



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH PERANAN SEBAGAI HAB EKSPORT BUAH- BUAHAN TROPIKA DENGAN PEMBUKAAN FASILITI MALAYSIA DURIAN (TROPICAL FRUIT) TRADE AND EXPORT CENTER (MADTEC)

SEPANG, 28 November 2025 – Pembukaan Premis Fasiliti Eksport Syarikat Tropika Makmur Manufacturing Sdn. Bhd. hari ini merupakan satu langkah strategik dalam memperkukuh ekosistem pengeksportan buah-buahan tropika negara, khususnya durian ke pasaran antarabangsa.

Fasiliti berteknologi tinggi ini dibangunkan sebagai pusat strategik bagi menyokong aktiviti rawatan, penyimpanan, pemprosesan dan pengeksportan buah-buahan segar tempatan. Ia turut dilengkapi kemudahan pembersihan serta pemeriksaan kualiti bagi memastikan setiap buah memenuhi piawaian antarabangsa sebelum memasuki pasaran global.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu dalam ucapan perasmian, menyatakan bahawa industri durian Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini sehingga diiktiraf sebagai antara pengeluar durian terbaik dunia. Durian Malaysia, termasuk varieti D197 (Raja Kunyit @ Musang King), D200 (Duri Hitam @ Black Thorn) dan D24, terus mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa kerana kualiti premium dan keunikannya.

Beliau turut memaklumkan bahawa pada tahun lalu, Malaysia telah merekodkan nilai eksport durian sebanyak RM1.18 bilion melibatkan 43,461 metrik tan, sekali gus mencerminkan permintaan global yang semakin meningkat terutamanya dari pasaran China.

Kerajaan turut menyedari cabaran yang dihadapi oleh petani kecil untuk menembusi pasaran eksport bernilai tinggi. Sehubungan itu, beliau memuji inisiatif Syarikat Tropika Makmur Manufacturing Sdn. Bhd dengan membangunkan Malaysia Durian (Tropical Fruit) Trade and Export Center (MADTEC) yang menyediakan platform inklusif bagi membuka akses eksport kepada semua pengusaha, khususnya petani kecil yang memerlukan sokongan dari segi infrastruktur dan standard pemprosesan.

Melalui fasiliti pemprosesan yang disediakan MADTEC, petani berpeluang memanfaatkan kemudahan moden tanpa perlu menanggung kos pembangunan kilang pemprosesan sendiri. Ini membolehkan hasil mereka diproses dengan lebih sistematik, cekap dan menepati piawaian eksport antarabangsa.

Kedudukan MADTEC yang strategik berhampiran KLIA dan disokong oleh infrastruktur logistik yang komprehensif juga menjadikan fasiliti ini sebuah hab pemprosesan dan pengeksporan penting bagi memperkukuh rantai nilai durian negara. Usaha ini dijangka meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran global serta memacu pertumbuhan sektor durian dan buah-buahan tropika secara mampan.

Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi MALAYSIA MADANI dalam memperkukuh sektor agro-makanan negara melalui penyediaan kemudahan moden, penyertaan inklusif dan peningkatan nilai tambah kepada pemain industri terutamanya petani kecil.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian
Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : pro@doa.gov.my Faks : 03-8888 3044

